

DALAM MAHKAMAH TINGGI MALAYA DI KUALA LUMPUR

(BAHAGIAN SIVIL)

GUAMAN NO: S4-22-1207-2004

ANTARA

MOKHTAR BIN AHMAD

... PLAINTIF

DAN

INSTITUT TERJEMAHAN NEGARA MALAYSIA BHD

... DEFENDAN

ALASAN PENGHAKIMAN

OLEH YANG ARIF HAKIM

DATO' TENGGU MAIMUN BINTI TUAN MAT

Institut Terjemahan Negara Malaysia Bhd (ITNM) ditubuhkan pada tahun 1993. Dr. Ahmad Zaki bin A. Bakar adalah Pengarah Urusan ITNM yang pertama. Beliau bertanggungjawab untuk melantik kumpulan pekerja ITNM. Sebelum penubuhan ITNM bidang terjemahan dikendalikan sepenuhnya oleh Bahagian Terjemahan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). En. Mokhtar bin Ahmad merupakan seorang kakitangan DBP yang berkhidmat di Bahagian Terjemahan. Apabila ITNM ditubuhkan beberapa orang kakitangan DBP telah ditawarkan bekerja dengan ITNM termasuk En. Mokhtar.

Melalui surat tawaran yang ditandatangani oleh Dr. Ahmad Zaki bertarikh 13.9.1993 En. Mokhtar telah ditawarkan jawatan Eksekutif kontrak dengan gaji RM2,350.00 sebulan. Tempoh kontrak adalah lima (5) tahun dengan tempoh pertama dua (2) tahun, diperbaharui selama dua (2) tahun lagi dan seterusnya satu (1) tahun. Walau bagaimanapun, sebelum tempoh kontrak berakhir, jawatan En. Mokhtar ditukar menjadi jawatan tetap, pada mulanya secara memangku melalui surat bertarikh 30.9.1994 dan kemudiannya disahkan melalui surat bertarikh 13.9.1995.

ITNM mempunyai garis panduan mengenai bentuk saraan dan kemudahan yang disediakan bagi kakitangannya iaitu Pakej Pengurusan Sumber Manusia Versi I dan Versi II masing-masing bertarikh 15 Oktober 1993 dan 1 Disember 1993. Versi I tidak mempunyai peruntukan mengenai umur persaraan tetapi Klausula 2.15 Pakej Versi II memperuntukkan bahawa umur persaraan bagi

anggota lelaki ialah 60 tahun dan bagi anggota wanita pula 55 tahun.

Melalui surat bertarikh 17.12.1998, ITNM menamatkan perkhidmatan En. Mokhtar atas alasan beliau akan mencapai umur persaraan 55 tahun pada 22 April 1999. Pada 23.2.1999 ITNM mengeluarkan memo kepada semua kakitangannya memaklumkan bahawa berkuatkuasa pada 1.1.1999 umur persaraan wajib anggota tetap ITNM adalah 55 tahun bagi lelaki dan perempuan.

En. Mokhtar mengatakan bahawa beliau sepatutnya bersara pada umur 60 tahun dan penamatan perkhidmatan beliau pada umur 55 tahun adalah salah dan tidak sah. Melalui guaman sivil ini En. Mokhtar menuntut terhadap ITNM gantirugi untuk kesusahan, kecewa, risau dan depresi mental yang dialami; gaji kebelakangan dari 23.4.1999 sehingga 23.4.2004, pembayaran caruman KWSP untuk tempoh yang sama, gantirugi am, faedah dan kos.

Pembelaan ITNM pada asasnya ialah bahawa tempoh perkhidmatan En. Mokhtar adalah untuk tempoh 5 tahun sahaja dan umur persaraan 60 tahun tidak dinyatakan di dalam mana-mana surat tawaran kepada En. Mokhtar.

Isu-isu yang perlu diputuskan adalah seperti berikut:-

1. adakah En. Mokhtar tertakluk kepada Pakej Pengurusan Sumber Manusia Versi I dan II.

2. adakah wujud sebarang representasi oleh Pengarah Urusan pertama ITNM kepada En. Mokhtar berkenaan umur persaraannya.
3. adakah ITNM berhak untuk meminda terma-terma dalam Pakej Pengurusan Sumber Manusia Versi II secara unilateral.
4. sama ada ITNM telah memungkiri terma kontrak perkhidmatan En. Mokhtar dengan membuat pindaan kepada umur persaraan.
5. sama ada En. Mokhtar melepaskan haknya (sekiranya ada) atau tuntutanya terhadap ITNM apabila beliau bersetuju bekerja dengan ITNM sebagai penterjemah bebas.

KETERANGAN SAKSI-SAKSI

En. Mokhtar antara lain memberi keterangan bahawa:-

1. beliau ditawarkan bekerja dengan ITNM oleh Dr. Ahmad Zaki dan dimaklumkan oleh Dr. Ahmad Zaki bahawa umur persaraan bagi anggota tetap lelaki di ITNM adalah 60 tahun.
2. ketika itu beliau berusia lebih kurang 50 tahun dan jika terus bekerja dengan DBP akan bersara pada umur 55 tahun.
3. atas representasi Dr. Ahmad Zaki itu, beliau yang telah berkhidmat selama 26 tahun dengan DBP bersara pilihan daripada DBP.

4. faktor utama beliau bersetuju bekerja dengan ITNM adalah kerana umur persaraan 60 tahun.
5. pada mulanya beliau diberikan jawatan kontrak dalam ITNM.
6. pada tahun 1995 beliau diberikan jawatan tetap dan ini membatalkan jawatan kontraknya.
7. beliau masih melakukan kerja-kerja penterjemahan untuk ITNM walaupun perkhidmatannya dengan ITNM telah tamat.
8. sekiranya perkhidmatannya tidak ditamatkan pada tahun 1999 dan beliau berkhidmat sehingga umur 60 tahun, beliau akan menerima gaji sebanyak RM360,000.00.
9. gaji terakhir yang diterima daripada ITNM ialah RM5,752.00 sebulan.
10. beliau mengalami masalah kewangan apabila dibersarakan pada umur 55 tahun kerana perancangannya adalah bersara pada umur 60 tahun dan beliau perlu menyara anak-anak yang masih bersekolah.
11. beliau hilang kehormatan diri kerana timbul spekulasi dan sangkaan buruk bahawa beliau diberhentikan kerja kerana salah laku apabila ditamatkan perkhidmatan pada umur 55.
12. beliau mengalami tekanan dan kekecewaan akibat tindakan ITNM.

Dr. Ahmad Zaki memberi keterangan berikut:-

1. En. Mokhtar telah dikenalpasti sebagai kakitangan yang berpengalaman dan terbaik.
2. beliau membuat tawaran lisan kepada En. Mokhtar dan En. Mokhtar menyusuli permohonan dengan surat rasmi.
3. sebagai Pengarah Urusan, beliau terlibat secara peribadi dalam penyediaan Versi I dan Versi II.
4. En. Mokhtar adalah kakitangan tetap ITNM dan dengan itu kedua-dua Versi I dan Versi II terpakai kepada En. Mokhtar dan umur persaraan mengikut pakej itu adalah 60 tahun.
5. semua faedah yang terkandung dalam pakej tersebut terpakai kepada En. Mokhtar.
6. Versi I dan Versi II telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah ITNM.
7. ITNM tidak perlu mengikut umur persaraan bagi kakitangan kerajaan pada tahun 1993 iaitu 55 tahun, kerana ITNM adalah sebuah syarikat jaminan kerajaan dan juga kerana Lembaga Pengarah meminta supaya ITNM mengikut sistem saraan sektor swasta.
8. semasa sediakan dokumen Versi I dan Versi II, ITNM telah gunakan model yang dijalankan di beberapa syarikat kerajaan contohnya Penerbangan Malaysia Berhad.

9. pada masa En. Mokhtar mula berkhidmat dengan ITNM, ITNM belum ada sistem saraan jadi belum ditetapkan umur persaraan, tetapi andaiannya adalah 60 tahun.
10. ketika En. Mokhtar ditawarkan jawatan tetap, umur persaraan beliau tidak dinyatakan sebagai 60 tahun kerana pada waktu itu sistem saraan telah diluluskan dan ia terpakai kepada En. Mokhtar.
11. Oleh kerana beliau bukan lagi Pengarah Urusan ITNM, janji kepada En. Mokhtar tidak ditunaikan.

Pengurus Korporat ITNM, Encik Razin bin Abdul Rahman memberi keterangan berikut:-

1. Berdasarkan Perintah Am Bab A umur persaraan wajib kakitangan lelaki ITNM adalah 55 tahun.
2. ITNM telah memberi kerja-kerja terjemahan kepada En. Mokhtar dan sehingga 2.10.2007 jumlah bayaran kepada En. Mokhtar bagi kerja-kerja tersebut adalah RM95,927.10.
3. sebagai pengurus korporat semenjak tahun 2002 beliau memantau Bahagian Sumber Manusia.
4. apabila perkhidmatan En. Mokhtar ditamatkan, beliau bukan diberhentikan tetapi dibersarakan.
5. selepas 1994 En. Mokhtar adalah seorang kakitangan tetap.

6. surat tawaran tidak menyatakan umur persaraan.
7. Dr. Ahmad Zaki pada masa itu diberi otoriti untuk menawarkan sebarang terma dan syarat kepada En. Mokhtar dan terma dan syarat yang diberikan itu akan mengikat ITNM.
8. pada 5.2.1999 beliau adalah Ketua Seksyen Kewangan Pelaburan.
9. sebagai ketua seksyen kewangan dan pelaburan beliau terlibat dengan sumber manusia jika wujud perbincangan belanja tahunan, kenaikan pangkat atau pengambilan kakitangan.
10. walaupun En. Mokhtar telah dimasukkan ke dalam jawatan tetap, disebabkan dalam surat tawaran perkhidmatan dinyatakan selama 5 tahun dan perkara tersebut tidak dibatalkan, maka tempoh perkhidmatan En. Mokhtar masih tetap 5 tahun.

KEPUTUSAN

Pembelaan ITNM bahawa tempoh perkhidmatan En. Mokhtar hanyalah untuk tempoh 5 tahun nyata tidak bermerit kerana apabila taraf jawatan En. Mokhtar ditukar daripada kontrak kepada tetap, tempoh kontrak selama 5 tahun itu dengan sendirinya terbatal. Memandangkan En. Mokhtar telah menjadi kakitangan tetap pada 30.9.1994 dan ketika itu Versi I dan Versi II telah pun berkuatkuasa,

saya mendapati bahawa En. Mokhtar adalah tertakluk kepada Versi I dan II dan umur persaraan yang terpakai bagi En. Mokhtar adalah 60 tahun sebagaimana ditetapkan di dalam Versi II.

Berbanding saksi ITNM (En. Razin) yang hanya mengetahui mengenai hal-hal berkaitan sumber manusia pada tahun 2002, Dr Ahmad Zaki adalah orang yang bertanggungjawab menggubal garis panduan saraan dan syarat-syarat perkhidmatan ITNM seperti yang terdapat di dalam Versi I dan II. Dr. Ahmad Zaki di dalam keterangannya memberi penjelasan kenapa umur persaraan 60 tahun tidak dinyatakan di dalam surat-surat tawaran kepada En. Mokhtar iaitu kerana Versi II adalah terpakai kepadanya.

Berdasarkan keterangan Dr. Ahmad Zaki juga saya mendapati wujud representasi olehnya sebagai Pengarah Urusan pertama ITNM kepada En. Mokhtar mengenai umur persaraannya. Amatlah tidak munasabah bagi En. Mokhtar untuk meninggalkan perkhidmatan tetapnya di DBP dan bekerja dengan ITNM jika terma-terma saraan yang ditawarkan oleh ITNM tidak lebih baik daripada apa yang beliau sedang nikmati di DBP. Seterusnya saya berpendapat ITNM, setelah menetapkan tempoh persaraan En. Mokhtar pada umur 60 tahun tidak berhak secara sepihak (unilateral) untuk meminda tempoh tersebut.

ITNM bergantung kepada memo bertarikh 23.2.1999 yang dikeluarkan kepada semua kakitangan ITNM yang memaklumkan bahawa umur persaraan wajib bagi lelaki dan wanita adalah 55 tahun dan kepada tindakan En. Mokhtar menerima kerja-kerja

terjemahan secara sambilan selepas perkhidmatannya ditamatkan, untuk mengatakan bahawa En. Mokhtar telah bersetuju dengan pindaan umur persaraan dan juga bahawa terdapat penepian (waiver) di pihak En. Mokhtar untuk membuat tuntutan terhadap ITNM. Saya menerimapakai pernyataan dalam kes *Sports Toto Malaysia Sdn Bhd v Chong Keat Chin* [1995] 1 ILR 742 di ms. 745 bahawa:-

“By having imposed the retirement clause unilaterally on the Claimant and on the other old employees where no retirement clause was the term in their contract was not only wrong but also illegal.

....There is no denial that the company can introduce new rules or clause to any contract of employment provided it is agreed by both parties or by the new employees. To impose the retirement clause on the old employees where none existed in their agreement was clearly unconscionable and illegal.”

ITNM pada pendapat saya tidak boleh bergantung kepada memo itu kerana pertamanya ITNM telah memberi notis menamatkan perkhidmatan En. Mokhtar pada 17.12.1998 iaitu sebelum memo itu dikeluarkan. ITNM juga tidak mengemukakan sebarang keterangan bilakah pindaan umur persaraan ini dimaklumkan kepada En. Mokhtar dan bilakah En. Mokhtar memberikan persetujuannya. Sebaliknya terdapat keterangan bahawa En. Mokhtar mengemukakan bantahan dan ketidakpuasan hatinya berhubung penamatan perkhidmatannya secara lisan dan bertulis (eksibit P9).

Seterusnya tindakan En. Mokhtar bekerja sebagai penterjemah bebas pada pendapat saya tidak boleh dianggap bahawa beliau telah melepaskan haknya terhadap ITNM. Sebagai seorang yang masih mempunyai bebanan kewangan ketika ditamatkan perkhidmatannya, adalah munasabah bagi En. Mokhtar untuk melakukan pekerjaan yang sesuai dengannya bagi membolehkan beliau terus menyara keluarganya.

ITNM juga mengatakan ia terikat dengan umur persaraan 55 tahun yang ditetapkan oleh Kerajaan. ITNM bukanlah Jabatan Kerajaan tetapi sebuah agensi jaminan kerajaan yang mempunyai garis panduan mengenai sistem saraannya sendiri, sebagaimana dibuktikan dengan wujudnya Versi I dan Versi II. Keterangan Dr. Ahmad Zaki bahawa ITNM tidak perlu mengikuti syarat-syarat seperti sistem saraan Kerajaan dan bahawa Lembaga Pengarah meminta supaya ITNM mengikut sistem saraan sektor swasta tidak dicabar. Jika pun ITNM ingin mengikuti umur persaraan kakitangan Kerajaan, saya berpendapat ia patut membuat pindaan kepada Versi II terlebih dahulu sebelum melaksanakan sistem saraan yang berbeza daripada apa yang sedia termaktub dan sistem saraan yang baru itu akan terpakai bagi kakitangan yang dilantik selepas ianya berkuatkuasa. Justeru, tindakan ITNM menamatkan perkhidmatan En. Mokhtar atas alasan beliau akan mencapai umur 55 tahun sedangkan beliau sepatutnya bersara pada umur 60 tahun mengikut Versi II yang terpakai kepadanya, jelas menunjukkan bahawa ITNM telah memungkirkan terma perkhidmatan.

Berdasarkan perkara-perkara yang dinyatakan di atas saya berpendapat En. Mokhtar telah membuktikan tuntutananya terhadap ITNM atas imbangan kebarangkalian. Saya bagaimanapun berpendapat bahawa En. Mokhtar gagal membuktikan bahawa beliau mengalami kerugian akibat kekecewaan dan kehilangan kehormatan diri. Penghakiman dimasukkan terhadap ITNM untuk gaji kebelakangan seperti yang dituntut dengan faedah 8% setahun dari tarikh penghakiman dan kos.

(DATO' TENGKU MAIMUN BINTI TUAN MAT)
HAKIM
MAHKAMAH TINGGI MALAYA
BAHAGIAN SIVIL
KUALA LUMPUR

Bertarikh 27hb Mei 2009

Cik Srividhya Ganapathi bersama
Encik Shanmugam Ganesan bagi pihak Plaintiff
Tetuan Muhendaran Sri
Peguambela dan Peguamcara
1st Floor, 82 Jalan Bangsar
59200 Kuala Lumpur.

Encik Abd. Muiz bin Samsuri bagi pihak Defendan
Tetuan Khalek Awang & Associates
Peguambela dan Peguamcara
59-3, Tingkat 3, Block E
Platinum Walk
No. 2, Jalan Langkawi
53300 Setapak
Kuala Lumpur.